


Headline	Hampir separuh jangkitan gagal dikesan WHO		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Global	Circulation	279,000
Page No	22	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	222 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,787
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,361



Hampir separuh jangkitan gagal dikesan: WHO

PERTUBUHAN Kesihatan Sedunia (WHO) memberi amaran hampir separuh daripada penghidap HIV di seluruh dunia tidak tahu mereka dijangkiti dan menggesa akses lebih luas kepada kit ujian di rumah.

Agensi kesihatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberitahu, 40 peratus penghidap virus itu yang menyebabkan Aids atau lebih 14 juta orang di seluruh dunia tidak sedar akan status mereka.

Hari ini, lebih 80 peratus yang didiagnosis dengan HIV menerima ART, namun kurang separuh daripada jumlah keseluruhan 36.7 juta penghidap Aids masih hidup dengan virus berkenaan tanpa menyedarinya.

Ketua Jabatan HIV WHO, Gottfried Hirnschall berkata, pihaknya masih mempunyai jurang utama rawatan dan ramai pesakit lambat mendapatkan rawatan kerana tidak tahu mereka adalah HIV positif.

Sementara itu, Pengarah WHO, Margaret Chan berkata, mempunyai kit ujian di rumah boleh membuat perbezaan yang besar.

"Ujian diri HIV perlu didedahkan kepada lebih ramai orang di rumah sendiri bagi memudahkan mereka mengetahui status dan bagaimana untuk mendapatkan rawatan serta akses pencegahan," katanya.

Difahamkan, ujian diri HIV

membenarkan individu membuat pemeriksaan secara privasi di rumah sendiri menggunakan cecair atau darah yang dicucuk pada jari dalam masa 20 minit.

Setakat ini, hanya 23 negara mempunyai dasar negara menyokong ujian diri HIV, manakala beberapa negara lain membangunkan polisi itu.

Bagi negara yang boleh mendapatkan akses tersebut dengan mudah, bayaran dikenakan agak mahal.

Di Amerika Syarikat contohnya, kemudahan itu boleh dibeli di kebanyakan ahli kimia pada harga sekitar AS\$40 (RM177).

WHO turut menyokong projek di tiga negara Afrika Selatan - Malawi, Zimbabwe dan Zambia yang berusaha menjadikan kit ujian rumah percuma boleh didapati secara meluas.

Beberapa negara lain juga difahamkan berminat untuk menyertai inisiatif tersebut.

INFO

HIV: Human Immunodeficiency Virus adalah sejenis virus yang melemahkan sistem pertahanan badan untuk melawan penyakit.

Aids: Acquired Immunodeficiency Syndrome atau Sindrom Kurang Daya Tahan adalah sejenis penyakit serius yang disebabkan oleh virus HIV.



Seorang bidan memberikan maklumat tentang Aids kepada wanita hamil di Bohicon, selatan Benin. - Foto: AFP